

15/06/1997

Mahathir hadir di sidang puncak D-8 di Istanbul

ISTANBUL: Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini semalam dari London untuk menghadiri sidang kemuncak Kumpulan Lapan Negara Membangun Islam (D-8) yang bermula esok.

Dr Mahathir yang diiringi isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan pegawai kanan Turki setibanya di lapangan terbang.

Dr Mahathir kemudian mengunjungi Perdana Menteri Turki Necmettin Erbakan, yang mencadangkan penubuhan D-8 untuk bertindak sebagai pemangkin bagi hubungan dan kerjasama erat di kalangan negara Islam.

Malam tadi, Perdana Menteri menghadiri majlis jamuan yang diadakan oleh Presiden Suleyman Demirel bagi meraikan Ketua-Ketua Negara dan kerajaan D-8.

Mesyuarat hari ini yang akan dirasmikan oleh Suleyman diadakan di Ciragan Palace Hotel, terletak dekat Selat Bosphorus yang memisahkan Benua Asia dan Eropah.

Pemimpin kumpulan itu dijangka menandatangani Deklarasi Sidang Kemuncak pada sebelah petang diikuti dengan persidangan media bersama.

Selain Malaysia dan Turki, negara anggota D-8 yang lain ialah Bangladesh, Mesir, Indonesia, Iran, Nigeria dan Pakistan.

Erbakan melahirkan harapan bahawa D-8 akan berkembang menjadi sebuah perkumpulan kuat yang boleh menandingi Kumpulan Negara Maju (G-7).

Menteri luar daripada lapan negara anggota bermesyuarat di sini pada Januari lalu bagi membincangkan penubuhan kumpulan itu yang antara lain bersetuju mengetepikan soal politik dan ideologi tetapi sebaliknya memusatkan perhatian kepada kerjasama ekonomi.

Jumlah penduduk negara anggota D-8 ialah 650 juta.

Ketika di Istanbul, Dr Mahathir dijangka mengadakan rundingan dengan pemimpin lain yang menghadiri sidang kemuncak itu. - Bernama

(END)